



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
 Aras 10, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
 Jalan Punai Tanah, Likas
 88450 Kota Kinabalu, Sabah

Tel. : 088-537244
 Faka : 088-537235
 Portal : jpnaabah.moe.gov.my
 E-mel : pengarahjpnabah@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSBHSPM.600-3/2/2 Jld.5(30)

Tarikh : 18 Mac 2022

Encik Abdillah bin Abu Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
ME12PAY Digital Sdn. Bhd.
2-19-01 Worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29, Section 7
40000 Shah Alam
Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOL" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI SABAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan Bil. me/2021/02/01 bertarikh 8 Februari 2022 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan Jabatan mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum / sukan di negara ini.
3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan *Novel Coronavirus (COVID-19)* yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal dan **aktiviti berkumpulan secara bersemuka** merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tidak ada halangan bagi penganjuran Program dan Penglibatan Murid Dalam Program "Go Digital School" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) di Negeri Sabah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah** sahaja. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 8 / 1995, Bil. 7 / 1988, Bil. 8 / 2009, Bil. 5 / 2018, Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2 / 2010 dan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

Ruj. Kami : JPNSBHSPM.600-3/2/2 Jld.5(30)

Tarikh : 18 Mac 2022

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOL" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI SABAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berkenaan;
- 4.2 Semua murid hendaklah mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 4.3 Penyertaan murid hendaklah sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa / penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster / gegantung / hebahan digital / sijil untuk semakan Sektor Pembangunan Murid sebelum diedarkan;
- 4.7 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) / program / aktiviti sekolah;**
- 4.8 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.9 Sekiranya sekolah yang diundang mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak sekolah perlu memberikan laluan kepada murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid terlibat (*SPI Bil. 5 / 2018*);

Ruj. Kami : JPNSBHSPM.600-3/2/2 Jld.5(30)

Tarikh : 18 Mac 2022

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOL" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI SABAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

- 4.11 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan, atau minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 4.12 Pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 4.13 Bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada JPNS tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**
- 4.14 JPNS berhak menarik balik surat penganjuran ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi / sekolah pada masa akan datang.
5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **ME12PAY Digital Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan Program "**Go Digital School**" dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (**Cashless Payment**) di Negeri Sabah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah sebelum bermulanya sesi persekolahan yang baru Tahun 2022. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada **Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.**
6. Pihak tuan juga dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (rujuk Lampiran B)** kepada pihak JPNS dalam masa dua (2) minggu selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program. Jika ada sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Ramlah binti Ramli, Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Murid** di talian **088- 537010 samb. 7252**

Ruj. Kami : JPNSBHSPM.600-3/2/2 Jld.5(30)
Tarikh : 18 Mac 2022


MAKLUM BALAS PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM "GO DIGITAL SCHOOL" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI NEGERI SABAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Perhatian dan kerjasama tuan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD. ZAINI BIN YANIN)
Timbalan Pengarah
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
b.p. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

KHK/tr

LAMPIRAN A

LAPORAN AKTIVITI

1. NAMA AKTIVITI :
2. TARIKH PELAKSANAAN :
3. TEMPAT /MOD
PELAKSANAAN :
4. PELIBATAN :

SENARAIKAN SEMUA SEKOLAH / PPD YANG TERLIBAT

BIL.	Nama Sekolah /PPD	Kategori	Melayu / BP Sabah		Cina		India		Lain-lain		Jumlah		Jumlah Besar
			L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1													
		Murid											
		Guru											
		Lain-lain (Jika ada)											
2			L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
		Murid											
		Guru											
		Lain-lain (Jika ada)											
Jumlah Keseluruhan													

**Sila tambah ruang untuk penambahan sekolah / PPD*

(Boleh lampirkan senarai)

5. JADUAL PENGISIAN /
PELAKSANAAN AKTIVITI
6. IMPLIKASI KEWANGAN :
(Peruntukan / Perbelanjaan
yang Diturunkan /
Digunakan) Jika Berkaitan

7. TETAMU KEHORMAT :
(Jika Berkaltan)

7.1 MAJLIS
PEMBUKAAN/PELANCARAN

7.2 MAJLIS PENUTUPAN

8. KEPUTUSAN :
PERTANDINGAN (SENARAI
PEMENANG) Jika Berkaltan

9. ISU DAN CABARAN

8. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

9. AKTIVITI BERGAMBAR : Seperti di Lampiran

NAMA AKTIVITI :

TARIKH :







TEMPAT :

SINOPSIS AKTIVITI :

Disediakan oleh :

Tarikh :

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



LAMPIRAN B

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami:
Tarikh:

**Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Aras 10, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punal Tanai, Likas
88450 Kota Kinabalu.**

YBhg. Datuk,,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN
PENGLIBATAN MURDI DALAM _____**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Sabah bernombor rujukan: _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dumaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) _____ **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan / menaja program yang dmohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan / tajaan program / aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada pada 4.1 hingga 4.14 dalam surat Maklum Balas Penganjuran mulai _____ hingga _____.

3. Pihak (nama agensi penganjur) _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi (nama pegawai) _____ di talian (no. Telefon bimbit) atau e-mel _____.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih,

Saya yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan